

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan banduan akhir setakat ini mengikut pecahan kewarganegaraan dan pecahan etnik warganegara Malaysia, jenis tuduhan, jantina, umur, bilangan tahun sebagai banduan akhir dan apakah perancangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori dan bagaimanakah kerajaan berhasrat untuk memperbaiki "*criminal justice system*" di negara Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara Malaysia sehingga 24 Oktober 2020 menunjukkan seramai 1,324 orang banduan telah dijatuhkan hukuman mati dan daripada jumlah tersebut, 788 orang banduan atau 59.5% merupakan warganegara Malaysia dan selebihnya seramai 536 atau 40.5% adalah banduan warganegara asing. Daripada sejumlah 1,324 orang banduan hukuman mati, 1,195 orang adalah banduan lelaki manakala 129 orang adalah banduan wanita. Berdasarkan statistik yang sama, seramai 405 orang daripada 788 orang banduan warganegara Malaysia merupakan banduan Melayu diikuti 210

orang banduan India dan selebihnya seramai 173 orang adalah banduan berketurunan Cina.

Berkaitan bilangan banduan warganegara Malaysia mengikut jenis kesalahan, perinciannya adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	Bil. Banduan
Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya	472
Seksyen 302 Kanun Keseksaan	296
Seksyen 3 dan seksyen 7 Akta Senjata Api 1960	14
Seksyen 3 Akta Culik 1961	4
Seksyen 396 Kanun Keseksaan	2

Daripada jumlah banduan hukuman mati bukan warganegara, seramai 108 orang atau 20.1% merupakan banduan warganegara Nigeria diikuti banduan Iran seramai 90 orang atau 16.8% dan seterusnya banduan Indonesia seramai 82 orang atau 15.3%. Secara keseluruhannya, sejumlah 440 orang banduan warganegara asing merupakan mereka yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, diikuti 85 orang banduan yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Selebihnya adalah banduan yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen 121 Kanun Keseksaan, seksyen 3 dan seksyen 7 Akta Senjata Api 1960 serta seksyen 3 Akta Culik 1961.

Berhubung perancangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori, Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori telah menyiapkan laporan akhir yang mengandungi syor-syor hukuman gantian terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori, kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] dan 21 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara mahkamah. Laporan tersebut sedang dalam penelitian lanjut oleh Kerajaan sebelum ia dilaksanakan supaya kepentingan dan kemaslahatan rakyat secara keseluruhannya diambil kira. Ini termasuklah aspek berkaitan pencegahan jenayah, kesan yang dihadapi oleh keluarga mangsa serta kesedaran kepada orang awam.

Sekian, terima kasih.